

# BIO MALAYSIA 2013

Mansoor Abdul Hamid

BIO MALAYSIA 2013 telah berlangsung pada 21 hingga 23 Oktober 2013 bertempat di Persada Johor, International Convention Centre, Johor Bahru, Johor. Pertandingan tersebut disertai oleh universiti-universiti awam dan swasta dan juga institusi penyelidikan di seluruh Malaysia. Universiti Malaysia Sabah (UMS) turut mengambil bahagian dalam pertandingan ini dengan menghantar 11 penyertaan dengan dua daripadanya dari Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP).



Dua produk SSMP yang dipertandingkan ialah produk Co-cHat: Reduced Calorie Chocolate using Seaweeds and Stevia dan produk Teacof: An Alternative Tea Drink. Secara keseluruhannya hasil dari pertandingan tersebut, UMS telah meraih 1 emas, 5 perak dan 5 gangsa di mana produk SSMP iaitu Co-cHat mendapat pingat gangsa manakala Teacof memperoleh pingat perak.